

Reka bentuk balkoni kediaman undang bahaya

Dari muka 15

Di Australia, katanya, *railing* melintang memang tidak dibenarkan kerana kanak-kanak boleh memanjat seperti tangga. Malaysia belum mengharamkannya, tetapi sebagai pereka bentuk perlu lebih peka.

Walaupun UBBL menetapkan ketinggian minimum *railing* ialah 1.0 meter, Hamka berpendapat ia tidak lagi mencukupi, terutama di pangsupuri dan koridor tingkat tinggi.

“Sebagai arkitek, saya cadangkan dinaikkan ke 1.2 meter. Di kawasan budak selalu lalu, *railing* lebih tinggi boleh menghalang capaian dan panjatan,” katanya.

Selain *railing*, beliau berka-

ta, tingkap juga menjadi punca utama kemalangan di kediaman bertingkat.

“Ada penghuni yang tidak memasang jeriji kerana tinggal di tingkat tinggi dan beranggapan tiada pencuri. Tingkap sememangnya mempunyai *window stay* iaitu sistem penahan yang menghadkan bukaan.

“Perabot seperti katil juga tidak boleh diletakkan betul-betul di bawah tingkap, kerana ia memberi peluang kepada kanak-kanak memanjat,” katanya.



**HAMKA
ABU DARDAK**

Dalam pada itu, beliau turut menegur trend penggunaan panel kaca di pusat beli-belah dan kediaman semata-mata atas alasan estetik.

“Ramai hanya fikir cantik, tetapi tidak praktikal. Ada panel kaca yang dipasang tanpa *stiffener* se-

hingga terpaksa ditampal pelekat ‘Jangan bersandar’.

“Apabila *railing* pun tak boleh bersandar, itu adalah tanda reka bentuk gagal,” katanya.

Jelasnya, kaca berlaminasi (*laminated glass*) jauh lebih selamat berbanding kaca binaan (*tempered glass*), kerana ia

tidak berderai dan tidak meninggalkan ruang kosong apabila pecah.

Bagaimanapun, Malaysia sebenarnya antara negara yang paling awal dan paling ketat memperkenalkan peraturan bangunan.

Malah, pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kini berlatarkan jurusan teknikal dan profesional dalam menyemak pelan bangunan.

“Sejak 1984, kita ada UBBL, rujukan yang sangat lengkap. Ditambah pula Malaysian Standard (MS), kita sebenarnya mempunyai sistem yang sangat baik. Isunya ialah bagaimana pereka bentuk mentafsir dan melaksanakan-nya,” jelasnya.

Beliau menekankan mereka bentuk bukanlah sekadar memenuhi syarat undang-undang atau mengejar kecantikan visual.

Sebagai arkitek, katanya, perlu mempunyai nilai keber-tanggungjawaban dan jangan hanya mengejar estetika atau cuba mencari kelompongan untuk menjimatkan kos.

“Reka bentuk mesti logikal, selamat dan tahan lama terutamanya apabila melibatkan nyawa kanak-kanak.

“Kemalangan kanak-kanak jatuh dari rumah tinggi bukan hanya berpunca daripada kecuaian, tetapi juga aspek reka bentuk yang tidak mengambil kira tabiat dan fizikal kanak-kanak.